



NURAINI (berdiri kiri) bergambar selepas menang pingat emas dan menerima anugerah khas Teknologi Hijau EyRec dalam Pameran Reka Cipta dan Inovasi Kejuruteraan Antarabangsa (I-ENVEX), baru-baru ini.



Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahid  
bhvarsiti@bharuan.com.my

**P**ELAJAR Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKSA) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Nuraini Mohd Yusoff, menerima Anugerah Teknologi Hijau EyRec dan pingat emas pada Pameran Reka Cipta dan Inovasi Kejuruteraan Antarabangsa (I-ENVEX) di Dewan 2020, Kangar, Perlis, baru-baru ini.

Pengiktirafan itu diraih berikutan kejayaan menghasilkan gula ringkas daripada tandan kosong kelapa sawit menerusi projek penyelidikan Sustainable Production of Alternative Sweetener From Empty Fruit Bunch Using Membrane Bioreactor (Waste to Wealth). Beliau menerima ganjaran

wang tunai RM500, trofi dan sijil penghargaan pada pameran anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu.

Seorang lagi pelajar UMP, Azmah Saman memenangi anugerah khas, 'Best of the Best Award' dan pingat emas pada pameran sama menerusi projek Sustainable Production Of Natural Dye From Waste Using Membrane Reactor (Waste to Wealth).

Kedua-dua projek itu hasil penyediaan Pensyarah Kanan FKSA, Prof. Madya Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Secara keseluruhan, UMP menerima lima pingat emas, lima perak dan tujuh gangsa pada pameran berkenaan.

Pingat emas diterima Nurul Azreen Abdul Ghani dan Nur Ain Abdullah menerusi projek Sustainable Building Material From

Domestic Waste: Bio Brick, serta Raja Nur Shafarin Raja Osman dan Nor Hidayah Dahan menerusi projek Sustainable Drinking Water Supply From Rain Water Harvesting by A Submerged Bio-Membrane Reactor (MEMBRAIN) yang diselia Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Prof. Madya Dr Zulzarim Ab Wahid.

Pingat emas turut diraih Mohd

Firdaus Mohd Yasin dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) menerusi projek Plant Watering Robot Using Solar yang diselia pensyarah Nor Maniha Abdul Ghani.

Sementara itu, empat pingat perak dimenangi pelajar FKASA, Mohd Zulfadhli Juhari dan Ahmad Faiz Nasir bagi penyelidikan bertajuk Application Of Biofilter System For Domestic Wastewater

Treatment.

Selain itu, pingat perak Nadia Faira Mat Zali, Suraini Szali, Muhammad Iqram Zulkifli, Muamar Zulkhiman Mohd Nazeri, Nor Asahton Junet, Noor Alla Atiqah Ahmad Rohaidi, Norbaizurah Rahman, Gandingan penyelidikan pelajar FKEE, Tan Piow Yon dan Lee Kong Haur turut meraih pingat perak.

Sementara itu, FKASA dan FKEE masing-masing turut menyumbangkan dua pingat gangsa serta satu daripada FKASA, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian.

Sebanyak 292 produk inovasi daripada 600 penyelidik dipertandingkan sempena pameran itu termasuk dari Singapura, Laos, Filipina, Vietnam, Thailand, Indonesia dan Kemboja.

## UMP raih banyak anugerah di i-ENVEX